

# PAS PECAT AHLI TENTANG FADZIL NOOR

ALOR SETAR, Rabu — Ahli Jawatankuasa Tata tertib PAS Pusat telah memecat seorang Ahli Jawatankuasa PAS Kota Setar, Encik Ahmad Mokhtar bin Abdullah yang menentang calon parti Ustaz Fadzil Noor di kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Raya dalam pilihanraya umum yang lalu.

Seorang jurucakap Pejabat PAS Kedah hari ini mengesahkan tindakan tersebut telah diluluskan oleh jawatankuasa itu baru-baru ini.

Beliau berkata; tindakan itu diambil untuk membuktikan ketegasan jawatankuasa tersebut terhadap ahli-ahli PAS yang menyeleweng.

Katanya, jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua Agung pas, Haji Yusof Rawa akan bertindak tegas terhadap ahli-ahlinya yang

menyelewang khususnya dalam pilihanraya.

Menurutnya, keputusan jawatankuasa tata tertib itu memecat Encik Mokhtar dari parti tersebut masih belum diterima lagi oleh Pejabat PAS Kedah.

Bagaimanapun, jelasnya, keputusan tersebut telah diberitahu secara lisan oleh jawatankuasa itu.

Ustaz Fadzil yang juga Naib Yang Dipertua Agung PAS berjaya menewaskan Encik Mokhtar yang bertanding sebagai calon Bebas dan calon Barisan Nasional Haji Safirol bin Haji Hashim.

Ustaz Fadzil mendapat 8,117 undi, Haji Safirol 7,771 undi dan Encik Mokhtar hanya mendapat 99 undi yang mengakibatkan beliau hilang wang pertaruhan.

Encik Mokhtar dianggap sebagai orang kanan Allahyarham Haji Ismail Kassim, bekas ADUN Bukit Raya beberapa tahun lalu.